

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI
(SETIAWANGSA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 21.10.2015

Y.B. DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI [SETIAWANGSA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa peratuskah Projek MRT Lembah Klang (KVMRT) telah dilaksanakan, dan adakah berlaku peningkatan kos pembinaan akibat kejatuhan nilai Ringgit Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Ogos 2015,

status kemajuan Projek MRT Laluan Satu yang menghubungkan Sg. Buloh-Kajang masih mengikut jadual yang ditetapkan dan telah mencapai tahap 70.21% kemajuan. Fasa Satu projek iaitu dari Sg. Buloh ke Semantan dijangka siap dan mula beroperasi pada 31 Disember 2016 manakala Fasa Dua projek pula iaitu dari Semantan ke Kajang dijadual akan siap dan beroperasi pada 31 Julai 2017.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat ,Projek MRT Laluan Satu ini tidak memberi sebarang kesan kenaikan kos kepada Kerajaan akibat daripada kejatuhan nilai Ringgit Malaysia. Ini adalah kerana nilai kesemua kontrak pembinaan termasuk kontrak untuk kerja sistem yang melibatkan kontraktor luar negara adalah dalam mata wang Ringgit Malaysia. Kontrak berkenaan telah ditetapkan sebelum nilai Ringgit Malaysia mengalami kemerosotan.

Dalam hubungan ini, sebarang kenaikan kos yang berlaku disebabkan oleh kejatuhan nilai mata wang Ringgit Malaysia akan ditanggung oleh pihak kontraktor. Sehingga kini, kenaikan kos yang ditanggung oleh kontraktor adalah sebanyak RM600,000 sahaja.